

Rujukan kami: ST(IP)K/16/5/3(1)

Tarikh : 12 Januari 2004.

Edaran Kepada Semua Pengilang Dan Pengimport

The Electrical and Electronic Association of Malaysia  
(TEEAM)  
5-B, Jalan Gelugor off Jalan Kenanga  
**55200 Kuala Lumpur.**

Malaysian Electrical Appliances Distributor Association  
(MEADA)  
P.O Box 12326  
**50774 Kuala Lumpur.**

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia  
No.3, Persiaran Dagang, PJU 9  
Bandar Sri Damansara  
**52200 Kuala Lumpur.**

Tuan,

**SURAT PEKELILING JABATAN KESELAMATAN ELEKTRIK,  
SURUHANJAYA TENAGA BILANGAN 1 TAHUN 2004 (BIL. 1/2004).**

- **Prosidur Permohonan dan Keperluan Mengemukakan Permohonan Pembaharuan Perakuan Kelulusan Mengilang, Mengimport, Mempamer, Menjual Atau Mengiklan Tidak Kurang Dari Empat Belas (14) Hari Dari Tarikh Habis Tempoh Perakuan Kelulusan.**
- 

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan bagi memaklumkan prosidur permohonan dan keperluan mengemukakan permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan tidak kurang dari empat belas (14) hari dari tarikh habis tempoh Perakuan yang akan mula berkuatkuasa **pada tarikh surat ini dikeluarkan**. Ini adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2003 yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2003. Prosidur dan keperluan ini hendaklah digunapakai bersama-sama dengan **Surat Pekeliling Suruhanjaya Tenaga Bil.1/2003 bertarikh 31 Mac 2003**. Prosidur dan keperluan tersebut adalah seperti berikut:-

2. **Prosidur Permohonan Pembaharuan Perakuan Kelulusan Mengilang / Mengimport, Mempamer, Menjual atau Mengiklan Kelengkapan Elektrik.**

a) Permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengilang / mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan kelengkapan elektrik hendaklah disertakan dengan:-

- i) Salinan perakuan kelulusan yang telah dikeluarkan dahulu;
- ii) Laporan ujian jenis yang terbaru dari makmal-makmal yang diperakukan oleh Suruhanjaya Tenaga **jika tempoh laporan ujian jenis telah melebihi lima (5) tahun dari tarikh pengujian. Laporan ujian hendaklah mempunyai tempoh sahlaku sekurang-kurangnya satu (1) tahun dari tarikh permohonan diterima;**
- iii) Bukti pembelian label SIRIM dalam bentuk Borang SIRIM F4 selama tempoh mengimport dan invois ujian konsaimen atau salinan laporan ujian konsaimen yang dikeluarkan oleh SIRIM – bagi permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengimport;
- iv) Bukti pembelian label SIRIM dalam bentuk Borang SIRIM QA7 selama tempoh mengilang atau salinan lesen Persijilan Barangan yang masih sah tempoh laku yang dikeluarkan oleh SIRIM – bagi permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengilang; dan
- v) Fee tahunan pembaharuan Perakuan Kelulusan adalah RM100.00 bagi 240V (1 fasa) dan RM200.00 bagi 415V (3 fasa).

b) Permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengilang / mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan kelengkapan elektrik **hendaklah dikemukakan tidak kurang dari empat belas (14) hari dari tarikh habis tempoh Perakuan Kelulusan.** Ini adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2003.

c) Permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan akan diberikan kelulusan **dengan syarat ianya lengkap dan memenuhi kesemua prosidur yang telah ditetapkan seperti para 2 a)(i) hingga (iv) serta dikemukakan tidak kurang dari empat belas (14) hari dari tarikh habis tempoh Perakuan Kelulusan.**

d) Permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan yang dikemukakan **kurang dari empat belas (14) hari dari tarikh habis tempoh Perakuan Kelulusan akan ditolak. Pemohon perlu mengemukakan permohonan Perakuan Kelulusan yang baru.**

3. **Tarikh Kuatkuasa**

Surat Pekeliling ini akan mula berkuatkuasa **pada tarikh surat ini dikeluarkan.**

**t.t**

**Ir. HJ. SHARIFF UDIN BIN WAKIMAN F.I.E.M A.M.N**

Pengarah  
Jabatan Keselamatan Elektrik  
b.p Suruhanjaya Tenaga.

- s.k:-
1. Y. Bhg. Datuk Pengerusi ST
  2. TKPE(K&P)
  3. Pengarah Kanan Jabatan Undang-Undang.
  4. Pengarah-Pengarah Kawasan.
  5. SIRIM QAS Sdn. Bhd.  
1, Persiaran Dato' Menteri  
P.O Box 7035, Section 2  
**40911 Shah Alam.**
  6. Pengarah  
Bahagian Kastam  
Kastam Diraja Malaysia  
Aras 4 Utara, Blok 2G 1B  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presinct 2  
**62592 Putrajaya.**

*A:pekelilingstbil12004arazak*